

Lain-lain zakat masanya tidak ditentukan keluarnya pada Hari Raya seperti yang dikhususkan di dalam zakat-zakat harta dan lain-lainnya masanya tidak tetap melainkan sesudah cukup nisabnya pembahagian itu dan kerana itu pembahagian itu boleh dibahagikan kepada semua golongan-golongan yang diluluskan oleh syarak — fakir miskin, amil, muallaf, memerdekakan hamba, orang yang berhutang, *fi sabīli Allāh* dan musafir yang kehabisan belanja.

Jika kita perhatikan pula dalam memungut zakat harta yang sangat diperhati ialah peladang-peladang, hartawan-hartawan, tetapi pegawai-pegawai yang dipotong wang dan gajinya dan pemberian-pemberian wajib daripada majikan kepadanya untuk disimpan di dalam tabung yang dinamakan "*Provident Fund*" tidak dikeluarkan dan diambil zakat-zakatnya padahal harta kepunyaannya itu dari tahun ke tahun bertambah sedang zakatnya tidak dipungut dan dikeluarkan. Wang-wang yang telah tersimpan dengan cara ini mungkin bermilion-milion sedang zakatnya tidak dipungut.

Kita harap pejabat-pejabat agama seluruhnya memerhatikan dengan saksama dalam persoalan ini semoga seseorang jangan diambil dan sesuatu golongan dibiarkan tidak menunaikan zakat harta yang wajib dikeluarkan olehnya.

\* \* \*

### **Rancangan Menyatukan Pertadbiran Sekolah-sekolah Agama Di Tanah Melayu**

Sekolah-sekolah agama yang lebih terkenal dengan sekolah-sekolah pondok dan madrasah adalah bertaburan di seluruh Tanah Melayu didirikan oleh guru-guru agama dan kiyai-kiyai dengan "*lillāhi Ta'ālā*" untuk melepaskan tugasnya mendidik dan menanam perasaan iman ke dalam hati kanak-kanak Islam. Yang demikian dibuat mereka adalah sebagai tugasnya kepada agama menyampaikan sekadar pengetahuannya menunaikan seruan Junjungan

Rasulullah (S.A.W) di dalam sabdanya yang maksudnya: "Sampaikanlah daripadaku walau satu ayat sekalipun."

Tugas ahli-ahli agama yang demikian ini bukan sahaja ada di Tanah Melayu ini tetapi berlaku di gugusan pulau-pulau Melayu iaitu dengan takdir bahawa ada silih berganti mujahid-mujahid Islam yang mengorbankan tenaga dan masanya menyeru manusia kepada jalan Allah dengan kadar dan upayanya tumbuh di sana sini madrasah-madrasah agama dan pondok-pondok agama untuk menanam semangat tauhid kepada Allah dengan seada-adanya dan kemahuan yang kuat walaupun beberapa halangan dan rintangan dihadapi oleh mereka.

Dari buah-buah yang terbit daripada madrasah-madrasah dan pondok-pondok inilah yang tidak putus-putusnya menanam semangat perjuangan, memerdekakan tanah airnya daripada penjajahan sehingga tanah airnya merdeka dan mereka terus berjuang, terus memberi pelajaran, terus memberi pendidikan semoga anak cucu mereka di kemudian hari tidak mengagungkan sesuatu selain daripada Allah dan menanam semangat tidak akan melembutkan giginya daripada lidahnya kerana maslahat diri dan kerana takut menegakkan kalimah Allah yang Maha Tinggi.

Mereka tidak akan bersyubhah dan tidak akan dapat dipengaruhi dengan perbuatan-perbuatan yang akan mempertinggikan agamanya bagi sesuatu tujuan dan mereka tidak akan bergembira dengan cantik dan indahnyanya masjid didirikan di tempatnya, kalau masjid-masjid itu terdiri dari wang yang syubhah padahal mereka mengetahui bahawa masjid itu ialah rumah Allah tempat beribadah, tempat yang suci yang patut dibuat dengan harta yang suci yang tidak ada syubhah di dalamnya.

Orang-orang yang cukup imannya tetap yakin akan kekuasaan Allah dan terus berjuang selagi ada hayatnya untuk mengingatkan manusia kepada jalan Allah dan mereka tidak dapat dipengaruhi oleh sesuatu yang manis, yang